

26 Mei, 1981

# Selayang - calonkan Datuk Harun Timbalan Presiden UMNO

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

RAWANG, Isnin —  
UMNO Bahagian  
Selayang hari ini  
mencalonkan Datuk  
Seri Dr. Mahathir  
Mohamad sebagai  
Presiden parti itu dan  
bekas Menteri Besar  
Selangor, Datuk  
Harun Idris sebagai  
Timbalannya bagi  
pemilihan dalam  
Perhimpunan Agung  
UMNO 26 Jun depan.

Bahagian itu juga  
mencalonkan  
Menteri Pelajaran,  
Datuk Musa Hitam  
sebagai Naib Presiden  
UMNO.

Dua lagi calon Naib  
Presiden yang  
dicalonkan ialah Haji  
Sulaiman Palestin dan  
bekas Setiausaha Agung  
UMNO, Datuk Senu  
Abdul Rahman.

Menteri Kewangan,  
Tengku Razaleigh  
Hamzah yang sebelum  
ini telah pun  
mengumumkan  
penerimaannya  
bertanding jawatan  
Timbalan Presiden tidak  
dipilih walaupun bagi  
kerusi Majlis Kerja  
Tertinggi.

Bahagian itu juga  
mencalonkan dua muka  
baru iaitu Datuk Abu  
Hassan Omar dan Datuk  
Haji Zakaria Yahya  
bertanding kerusi MKT.

## Peranan

Di samping itu,  
bahagian tersebut dalam  
mesyuarat perwakilan  
ketujuhnya pagi ini juga  
meluluskan usul  
mendesak kerajaan  
mengkaji semula tugas  
dan peranan  
Jawatankuasa Pusat  
Pelaburan (CIC) dan  
Jawatankuasa  
Pelaburan Asing (FIC)  
dalam meluluskan  
pembelian dan  
penukaran saham yang  
berlaku dalam negara  
yang dimiliki oleh  
pelabur tempatan dan  
pelabur asing supaya  
sejajar dengan Dasar  
Ekonomi Baru.

Keputusan itu diambil  
berdasarkan kesedaran  
betapa pentingnya satu  
dasar benar-benar dapat  
mengurangkan jurang  
perbezaan antara kaum  
dari segi peratus pemilik  
saham dalam negeri  
diwujudkan.

Menteri Besar  
Selangor, Datuk Hormat  
Rafel merasmikan  
mesyuarat tersebut.